

PYDC
PENANG YOUTH DEVELOPMENT CORPORATION

BULETIN

BELIA

UNTUK MASA DEPAN

Youth For Future



PENANG 2030 | Youth for Future | UMUR 18 JADI CALON | UNDI 18

UNTUK BELIA UNTUK ANDA

FOR YOUTH FOR YOU

ISI KANDUNGAN

Perutusan Ketua Menteri Pulau Pinang *1*

Perutusan EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang *2*

Perutusan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang *2*

Belia Untuk Masa Depan *3*

Visi dan Misi Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang *3*

UNDI18 dan Umur18 Jadi Calon *4*

Sukarelawan Belia Pulau Pinang *6*

Sidang Muda *8*

Pusat Belia *10*

Pertandingan Keusahawanan Belia *12*

Bakat Muda Digital Pulau Pinang *13*

Platform Persembahan Muzik “Belia Berirama” *14*

Pertandingan Video Kreatif “Sudut Pandangan Lensa” *16*

Portal Kerjaya “We Want You!” *17*

PERUTUSAN
KETUA MENTERI PULAU PINANG



YAB Tuan Chow Kon Yeow
Ketua Menteri Pulau Pinang

Salam Sejahtera.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan bersama dengan Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) atas komitmen serta kerjasama erat dalam memastikan kejayaan penerbitan buku "**Buletin Belia Untuk Masa Depan**".

Selaras dengan hasrat dan matlamat **Visi Penang2030** – Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, cetakan dan edaran buku ini kelak sudah pasti akan menjadi platform yang terbaik untuk rujukan dan nilai tambah kepada ilmu pengetahuan sedia ada terutamanya dalam usaha kita untuk melahirkan golongan belia yang berwibawa, dinamik dan progresif.

Melalui pelbagai inisiatif dan program yang dilaksanakan termasuklah tiga (3) aspek yang diberikan penekanan seperti Pembangunan Diri, Pembangunan Sosial dan Pembangunan Ekonomi, adalah diharapkan agar golongan belia Pulau Pinang dapat menerokai minat dan mengembangkan bakat sedia ada.

Kerajaan Negeri mengulangi pendirian dan komitmen kita untuk terus memastikan agenda pembangunan belia di Pulau Pinang ini bergerak seiring dengan sasaran kita untuk membangunkan generasi harapan negara ini secara holistik dan mampu bersaing pada peringkat global.

Sekian, terima kasih.

PERUTUSAN
EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG



YB Soon Lip Chee
EXCO Belia dan Sukan
Negeri Pulau Pinang

Salam Sejahtera.

Selaku EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, saya amat bersyukur dan berbesar hati atas penerbitan buku “Buletin Belia Untuk Masa Depan”.

Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada September 2021 telah sebulat suara meluluskan pindaan Enakmen Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2021 bagi had umur calon Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) diturunkan daripada 21 kepada 18 tahun.

Dengan buku ini, saya berharap golongan belia akan diberi inspirasi untuk memainkan peranan kritikal dalam pembangunan negeri dan melaksanakan hak pengundi memandangkan mereka merupakan generasi yang akan menentukan hala tuju negara pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

PERUTUSAN
PENGURUS BESAR
PERBADANAN PEMBANGUNAN BELIA PULAU PINANG



Dr. Gwee Sai Ling
Pengurus Besar
PYDC

Salam sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang kerana telah memberi kepercayaan kepada Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) untuk melaksanakan pelbagai inisiatif dalam membangunkan belia di Pulau Pinang.

PYDC telah menyediakan platform kepada bakat-bakat muda untuk mengasah bakat dan minat mereka. Saya yakin dengan pelbagai inisiatif yang dijalankan, golongan belia kita dapat terus maju jika mereka terus istiqamah dalam perkara yang mereka lakukan.

Oleh hal yang demikian, besarlah harapan saya agar semua pihak yang berkenaan dapat bekerjasama dengan PYDC untuk menyediakan lebih banyak peluang kepada golongan belia kita untuk terus maju. Akhir kata, saya ingin menyeru belia kita untuk terus menyahut cabaran yang ada dan usah rasa gentar untuk mencuba cabaran baru kerana kita tidak akan tahu had jika kita tidak mencabar diri kita sendiri.

Sekian, terima kasih.

INISIATIF
BELIA UNTUK MASA DEPAN

Inisiatif "Belia Untuk Masa Depan" (*Youth for Future*)

"Belia Untuk Masa Depan" (*Youth for Future*) adalah satu inisiatif yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan untuk membangunkan belia kita dalam menghadapi cabaran masa depan mereka serta menyumbang kepada pembangunan negara. Di bawah inisiatif ini, terdapat tiga aspek yang difokuskan iaitu:

(1) Pembangunan **Ekonomi**;
(2) Pembangunan **Sosial**; dan
(3) Pembangunan **Diri**.

VISI DAN MISI
PERBADANAN PEMBANGUNAN BELIA PULAU PINANG

PENANG YOUTH DEVELOPMENT CORPORATION

Visi
Untuk mendidik, membangun, dan memperkasakan belia ke arah pembangunan holistik.

Misi
Ke arah belia yang berintegriti, berkebolehpasaran, dan berdaya saing.

UNDI 18



Dewan Rakyat pada Julai 2019 meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) 2019 bagi menurunkan had umur mengundi, pendaftaran pengundi automatik, dan menurunkan had umur calon Ahli Dewan Rakyat daripada 21 kepada 18 tahun. Kini, belia berumur 18 tahun ke atas berhak memilih dan menentukan pemimpin negeri dan negara. Belia boleh menyemak Semakan Daftar Pemilih di laman web rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).


https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/daftarPemilih

UMUR18 JADI Calon



Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah melaksanakan **Kempen Umur18 Jadi Calon** untuk meningkatkan kesedaran golongan belia tentang isu pindaan had umur calon Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Satu soal selidik yang bertujuan untuk mengumpulkan pandangan belia mengenai isu ini telah dilaksanakan. Hasil soal selidik tersebut telah dibentangkan dalam mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada bulan Ogos 2021 bagi Cadangan Penggubalan Undang-Undang Enakmen Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2021 mengenai had umur calon ADUN daripada 21 tahun ke 18 tahun. Seterusnya, Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri yang Keempat Belas pada 1 September 2021 telah meluluskan Usul Cadangan Penggubalan Undang-undang Enakmen Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2021 mengenai had umur calon ADUN daripada 21 tahun ke 18 tahun.







Soal Selidik Kempen Umur18 Jadi Calon

Sepanjang tempoh kempen ini dilaksanakan, seramai 3,620 responden telah berjaya dikumpulkan. Kajian telah melibatkan 3,475 responden yang memenuhi kelayakan dan 145 tidak dimasukkan dalam kajian kerana melebihi had usia belia. Berdasarkan data yang telah diperoleh, seramai 65.06% ataupun 2,261 responden bersetuju dengan pelaksanaan penurunan umur calon ADUN di Pulau Pinang daripada 21 tahun ke 18 tahun manakala 1,214 responden (34.94%) pula tidak bersetuju atas pelaksanaan pindaan tersebut.



Sesi Sembang Umur18 Jadi Calon

Sesi ini diadakan bersama tiga orang panel untuk membincangkan tentang topik Umur 18 Jadi Calon. Ahli panel pada sesi itu ialah (1) Encik Hafiz Ali (Setiausaha Agung, Majlis Belia Negeri Pulau Pinang); (2) Encik Predeep Nambiar (Wartawan, Free Malaysia Today News); dan (3) YB Soon Lip Chee (EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang).

Layari link dibawah untuk klip video berkenaan:
https://www.youtube.com/watch?v=r1K7LfjENOg

Sukarelawan Belia
PULAU PINANG

Sukarelawan Belia Pulau Pinang telah dilancarkan pada 1 Mac 2020 oleh Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) di bawah Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang untuk menyediakan pasukan sukarelawan dalam kalangan belia Pulau Pinang yang berkebolehan untuk memberikan perkhidmatan sukarela kepada masyarakat setempat dan membina hubungan belia dengan masyarakat.

Terdapat banyak aktiviti kesukarelawanan yang telah disertai oleh Sukarelawan Belia Pulau Pinang di bawah tujuh kategori yang berlainan iaitu, seni dan budaya; alam sekitar; pendidikan; sukan; bencana alam; pertolongan cemas; dan kerja amal.















Gambar 1:
Program Memasak Bubur Lambuk bersama Sukarelawan Belia Pulau Pinang

Gambar 2:
Bengkel Pengurusan dan Teknik Penebangan Pokok

Gambar 3:
Pengagihan Bantuan Makanan di KADUN Batu Lancang

Gambar 4:
Kerja Penyelarasan SOP kepada Liga Super Malaysia 2021 oleh Sukarelawan Belia Pulau Pinang

Gambar 5:
Gotong-royong bersama MPKK Sungai Dua

Gambar 6:
Aktiviti Kitar Semula 2020

Gambar 7:
Seni Mural Pusat Belia Penanti

SIDANG Muda

Sidang Muda


Sidang Muda merupakan program tahunan anjuran Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC). Sidang Muda 2021 merupakan *finale* bagi siri program Sidang Muda yang telah bermula sejak April 2021. Persidangan Sidang Muda kali ini telah disusun semula supaya perjalanan persidangan lebih menyerupai persidangan DUN yang sebenar agar para Ahli Sidang Muda dapat terlibat dalam proses membuat keputusan di peringkat Negeri dengan lebih tepat dan realistik. Sidang Muda 2021 adalah terbahagi kepada dua sesi, iaitu Sesi Soalan Lisan dan Sesi Perbahasan.












Sejumlah 26 Soalan Lisan telah dikemukakan dan 12 telah dijawab dalam Sidang Muda. Manakala, 11 usul telah dikemukakan dan lima telah dibahas dalam Persidangan Sidang Muda 2021.

Calon18: Edisi Penang

Untuk memastikan kesinambungan daripada Persidangan Sidang Muda, program Calon18: Edisi Penang telah dilaksanakan. Calon18: Edisi Penang adalah program pembinaan kapasiti secara maya yang telah dijalankan selama satu bulan dengan tujuh topik modul. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan kepada golongan belia tentang landskap politik negara serta memperkasakan anak muda dalam kepemimpinan masyarakat dan juga melatih anak muda Pulau Pinang yang berpotensi untuk menjadi wakil rakyat di Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat.

Tujuh topik modul yang telah disampaikan adalah,
(1) Proses Pengumpulan Dana dan Pembiayaan Politik;
(2) Prosedur Parlimen;
(3) Proses Penggubalan Dasar Kerajaan Persekutuan;
(4) Memahami Belanjawan Nasional;
(5) Pengenalan kepada Reformasi Institusi;
(6) Kempen Digital; dan
(7) Berkomunikasi dengan Pihak Media.







PUSAT Belia

Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan dan Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) berhasrat untuk mewujudkan 40 pusat belia di Negeri Pulau Pinang dimana satu (1) pusat belia akan diwujudkan di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN).

Pusat Belia Penaga







Hasrat mewujudkan pusat belia adalah bertepatan dengan konsep pembangunan sosial di bawah inisiatif Belia Untuk Masa Depan. Inisiatif mewujudkan pusat belia adalah berasaskan kerjasama antara Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dengan Majlis Pengurusan Kampung Komuniti (MPKK) setempat.







Pusat Belia Balik Pulau







Objektif mendirikan pusat belia adalah untuk memperkasakan penyertaan sosial belia dalam program-program yang memanfaatkan pembangunan diri mereka, mewujudkan platform bagi memberikan pendedahan kepada para belia dari segi seni, kemahiran serta teknikal, peluang kerjaya, dan sebagainya. Ia juga membekalkan satu ruang kepada komuniti belia setempat untuk menjalankan aktiviti yang bermanfaat.

Pusat Belia Penanti







Pelbagai aktiviti bermanfaat boleh dilakukan oleh belia semasa waktu pusat belia setempat beroperasi. Selain itu, program-program seperti pameran kerjaya, ceramah kerjaya, klinik bimbingan, bengkel-bengkel seni, pertandingan sukan dan banyak lagi boleh diadakan untuk belia setempat di Pusat Belia tersebut.

PERTANDINGAN KEUSAHAWANAN Belia



Pertandingan Keusahawanan Belia 2021 anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PYDC yang berasaskan 'business pitching' merupakan salah satu usaha untuk menarik lebih ramai usahawan terutama golongan muda untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan.



Pertandingan Keusahawanan Belia 2021 telah dianjurkan bersama Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA), Pulau Pinang, Bahagian Belia Dewan Perniagaan Tionghua Pulau Pinang (PCCC YES) dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kaum India Malaysia (MICCI), Pulau Pinang untuk memperkasakan golongan belia Pulau Pinang dalam bidang keusahawanan, memupuk minat dan bakat keusahawanan dalam kalangan mereka, disamping menyediakan sebuah platform kepada bakal usahawan untuk berkongsi idea-idea yang inovatif serta kreatif.








Bakat Muda Digital PULAU PINANG



Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) bersama-sama syarikat pembangun laman sesawang, Big Domain Sdn. Bhd. (Big Domain) memeterai perjanjian persefahaman sebagai satu inisiatif baharu melahirkan belia era digital melalui program Platform Bakat Digital Pulau Pinang.

Inisiatif **Bakat Muda Digital Pulau Pinang** yang juga dikenali sebagai ***Penang Young Digital Talent*** berhasrat memacu transformasi Pulau Pinang sebagai hab digital sejajar dengan visi Penang2030.

Selain itu, ia juga dapat menjanakan peluang pekerjaan baharu untuk belia Pulau Pinang dengan menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam proses transformasi digital disamping membantu membangunkan ekonomi jangka pendek atau gig ekonomi di Pulau Pinang khasnya.



Berbagai-bagai program dibawah inisiatif Bakat Muda Digital Pulau Pinang telah dilaksanakan untuk mewujudkan pengalaman pembelajaran digital yang sebenar melalui keadaan yang terkawal dan penempatan program atau projek menggunakan prinsip, model, dan teori dalam tetapan kehidupan sebenar. Perkara ini akan dapat memberi pengalaman yang memberangsangkan, mencabar minda, dan juga dapat membolehkan simulasi digital secara menyeluruh.



PLATFORM PERSEMBAHAN MUZIK

Belia Berirama



Pembangunan belia secara holistik amatlah penting. Jadi, belia kita haruslah meningkatkan keupayaan diri sendiri dari pelbagai aspek dan pembangunan muzikal adalah salah satu daripadanya. Belia amatlah digalakkan untuk mengekspresikan diri mereka melalui muzik, deklamasi sajak, mahupun tarian.

Persembahan Hari Merdeka





Bersempena dengan Hari Kemerdekaan Negara yang ke-64, **Persembahan Hari Merdeka** telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PYDC. Golongan belia di Pulau Pinang telah digalakkan untuk menyertai pertandingan uji bakat tersebut sebagai platform untuk mereka melakukan persembahan dan menonjolkan bakat mereka kepada orang ramai.

“Belia Berirama”
Edisi Tahun Baru Cina

Untuk meraikan Tahun Baru Cina bersama belia yang tidak dapat balik ke pangkuan keluarga pada musim perayaan dalam tempoh PKP, siaran langsung persembahan belia bersempena Tahun Baru Cina telah diadakan.



“Belia Berirama”
Edisi Chap Goh Meh

Atas jasa baik Penang House of Music (PHoM) menaja lokasi untuk siaran langsung, pemuzik muda Belia Pulau Pinang telah dapat mempersembahkan karya muzik mereka dengan jayanya.



“Belia Berirama”
Edisi Hari Raya

Edisi kali ini mempersembahkan persembahan unik, boria dari Boria Omara. Boria adalah salah satu jenis teater yang sangat terkenal terutamanya di negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia. Selain daripada itu, terdapat beberapa persembahan lain daripada peserta edisi Hari Raya.



“Belia Berirama”
Edisi Deepavali

Dengan kerjasama bersama Soundmaker Studio, sebahagian pemuzik muda Pulau Pinang telah dijemput untuk membuat persembahan secara siaran langsung di laman Facebook PYDC. Pemuzik muda yang telah dijemput termasuk AJay Sarvess, Culture Shot, Buddha Beat, dan The Penang Dhol Blasters.



PERTANDINGAN VIDEO KREATIF
Sudut Pandangan Lensa

Pertandingan TikTok

Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) bersama Konsulat Jeneral China di Pulau Pinang telah menganjurkan Pertandingan TikTok yang bertemakan "***Discover the Charm of Chinese Culture in Penang***". Inisiatif ini telah memberikan ruang dan peluang kepada para belia untuk menonjolkan bakat, potensi, dan kreativiti mereka melalui penghasilan video pendek tersebut. Secara tidak langsung, pertandingan ini juga telah memupuk golongan belia untuk menyemai minat mereka dalam industri kreatif serta meningkatkan kesedaran golongan belia mengenai dunia digitalisasi.



Tahniah diucapkan kepada para pemenang Pertandingan TikTok yang bertemakan "Discover the Charm of Chinese Culture in Penang".



Pameran filem-filem pendek peserta 'Pertandingan Filem Seram Pendek' ditayangkan di pawagam Mega Cineplex.

Pertandingan Filem Seram Pendek

Pertandingan Filem Pendek "***Into the Lens***" bertemakan filem seram telah dianjurkan untuk mencetus pemikiran kritikal dan kreatif belia Pulau Pinang. PYDC berharap inisiatif ini dapat membantu golongan belia untuk menceburkan diri dalam industri perfileman di Malaysia.

Pertandingan ini bukan sahaja memberi fokus dalam aspek daya kreativiti belia, tetapi ia juga memfokuskan aspek teknikal seperti teknik penggunaan audio dalam penerbitan video mereka untuk mempengaruhi emosi penonton.





PORTAL KERJAYA

"We Want You"

Portal Kerjaya "We Want You" telah dilancarkan pada Jun 2020 sebagai portal carian kerjaya kepada anak-anak muda Pulau Pinang bagi mengurangkan kadar pengangguran belia di negeri ini.

Dengan adanya portal tersebut, belia dapat mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan, pengalaman, kemahiran, bakat, dan juga kehendak mereka. Portal ini juga menawarkan pengiklanan peluang pekerjaan secara percuma kepada syarikat dan majikan yang mendaftar.

Antara usaha lain yang telah dilakukan di bawah inisiatif ini adalah berkolaborasi dengan pihak industri untuk mengurangkan kadar pengangguran belia dengan menganjurkan hari atau pameran kerjaya.



Lebih 4,500 pekerjaan ditawarkan oleh 56 buah syarikat di Pulau Pinang semasa Pameran Kerjaya Maya 2021 anjuran PYDC dari 26 - 29 Ogos 2021.




Pameran bertemakan 'Explore, Connect and Get Hired' itu turut mendapat kerjasama daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Colla Team by Big Domain.



Portal carian kerjaya "We Want You" dilancarkan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang pada 7 Jun 2020.





Imbas kod QR di atas untuk layari portal carian kerjaya "We Want You".



Pejabat MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 53, KOMTAR, 10503 George Town, Pulau Pinang, Malaysia.
T +604-650 5136 / 604-261 9012
F +604-261 8744
E soonlipchee@penang.gov.my
FACEBOOK N08 Soon Lip Chee
INSTAGRAM soonlipchee

Youth For Future PG
LAMAN WEB https://www.youthforfuture.my/
INSTAGRAM https://www.instagram.com/youthforfuturepg/

Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang
No 1-02-01, Jalan Ahmad Nor, Pusat Dagangan Nova, 11600 Jelutong, Pulau Pinang, Malaysia.
T +6012-401 0186
E info@pydc.com.my
LAMAN WEB https://pydc.com.my/
INSTAGRAM https://www.instagram.com/pydc.my/
FACEBOOK https://www.facebook.com/pydc.my
TELEGRAM https://t.me/+uEWU2LRejwE4N2Zl